

U 8801 DEB  
MAHATHIR - YAKIN  
(1)

ARAU, 1 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YAKIN BARISAN NASIONAL (BN) AKAN MEMPEROLEHI LEBIH DARIPADA MAJORITI DUA PERTIGA PADA PILIHAN RAYA INI.

LAPORAN YANG DITERIMA OLEH BN MENUNJUKKAN SEDEMIKIAN, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MELAWAT TIGA JAM KE PERLIS RANGKA LAWATAN TERAKHIRNYA DALAM KEMPENNYA KE SELURUH NEGARA.

BELIAU BERKATA BN MUNGKIN ATAU KEMUNGKINAN TIDAK KEHILANGAN LEBIH BANYAK KERUSI DARIPADA PILIHAN RAYA LEPAS KERANA PILIHAN RAYA TIDAK PERNAH PASTI TETAPI BAGI 1986, BN YAKIN MEMPEROLEHI KERUSI YANG DIKEHENDAKI UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH KERAJAAN YANG KUKUH DAN STABIL.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA TIDAK AKAN BERLAKU APA-APA PERUBAHAN DALAM DASAR KERAJAAN SEKARANG KERANA KERAJAAN TELAH DAPAT MENGENDALIKANNYA DENGAN +SANGAT BAIK+ WALAUPUN IA MUNGKIN TIDAK DISUKAI OLEH SEMUA.

+INI TERMASUKLAH MAJALAH ASING,+ KATANYA. -- LAGI  
2113MST 01 08 86

0183

U 8802 DEB  
MAHATHIR - YAKIN 2 ARAU

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN JUGA TIDAK AKAN MENGUBAH DASARNYA MENGENAI ISLAM KERANA +KAMI SENTIASA MEMPUNYAI DASAR YANG WAJAR MENGENAI AGAMA. SAYA TIDAK NAMPAK MENGAPA KAMI HARUS MENGUBAH DASAR KAMI HANYA KERANA PARTI POLITIK LAIN MENYALAHGUNAKAN AGAMA.+

KETIKA MENJAWAB SOALAN, BELIAU BERKATA KEGIATAN PAS TIDAK MEMPUNYAI KAITAN DENGAN ISLAM. PARTI ITU DIANGGOTAI OLEH MEREKA YANG KEBANYAKANNYA TAMAK UNTUK DIPILIH DAN MENGGUNA ISLAM SEBAGAI ALAT UNTUK DIPILIH.

MENGENAI MENGAPA BN MEMERLUKAN MAJORITI DUA PERTIGA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA INI UNTUK MENGELAKKAN AHLI POLITIK YANG TIDAK BERTANGGUNG JAWAB MEMBELI ANGGOTA PARLIMEN JIKA KERAJAAN YANG DIBENTUK MEMPUNYAI MAJORITI YANG KECIL.

+KAMI TIDAK MAHU ORANG YANG BERMAIN DENGAN POLITIK KERANA KAMI MEMPUNYAI TUGAS SERIUS UNTUK MENTADBIR NEGARA,+ KATANYA.

KETIKA MENJAWAB SOALAN MENGAPA BELIAU MENANGGUHKAN PEMILIHAN UMNO, BELIAU BERKATA +SAYA TAK SABAR MENYELESAIKAN PILIHAN RAYA. SAYA NAK MENERUSKAN TUGAS SAYA MENTADBIRKAN KERAJAAN. DAN TUGAS MEMERINTAH NEGARA.

-- LAGI  
2123MST 01 08 86

D193

U 8803 DEB  
MAHATHIR - YAKIN 3 ARAU

BELIAU JUGA BERKATA PAS MUNGKIN MERASAI BAHAWA MEREKA AKAN BERJAYA TETAPI BN TIDAK FIKIR MEREKA BERJAYA DAN PILIHAN RAYA INI AKAN MEMBUKTIKAN BN BENAR.

MENGENAI DAP DAN SETIAUSAHA AGUNGNYA ENCIK LIM KIT SIANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR PERCAYA BAHAWA ENCIK LIM TIDAK AKAN DIPILIH BAGI KEDUA-DUA KERUSI YANG DITANDINGINYA -- PARLIMEN TANJUNG DAN DEWAN NEGERI KAMPUNG KOLAM DI PULAU PINANG.

KATANYA SESETENGAH GOLONGAN MENUDUH BN BONGKAK HANYA KERANA IA BERKUASA SEJAK TAHUN 50-AN TETAPI IA TIDAK SEDEMIKIAN KERANA DAP LAH YANG SENTIASA BERSIFAT BONGKAK.

BELIAU JUGA MENAFIKAN BAHAWA TERDAPAT RAMAI SUNGUTAN TERHADAP BN DAN KERAJAAN DI KALANGAN RAKYAT DAN SESETENGAH NEGARA ASING KECUALI DARIPADA MEREKA YANG MENGELARKAN DIRINYA SEBAGAI KUMPULAN TINDAKAN SOSIAL YANG MERASAI MEREKA MENGETAHUI UNTUK MEMERINTAH NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMPERSOALKAN PENILAIAN KUMPULAN BERKENAAN KERANA MELUASKAN POLARISASI PERKAUMAN DI NEGARA INI KERANA TERDAPAT BUKTI MENUNJUKKAN KERJASAMA ANTARA RAKYAT DI NEGARA INI YANG TELAH DAN SEDANG MENIKMATI KEAMANAN DAN KESTABILAN YANG BERTERUSAN. -- LAGI  
2141MST 01 08 86

D197

U 8804 DEB  
MAHATHIR - YAKIN 4 ARAU

MALAHAN DALAM BN SENDIRI, PARTI-PARTI KOMPONEN YANG MEWAKILI PELBAGAI KAUM DI NEGARA INI MASIH BEKERJASAMA DENGAN BAIK WALAUPUN SETELAH 30 TAHUN MERDEKA, DAN INI MENUNJUKKAN BAHAWA RAKYAT NEGARA INI TELAH AKUR DENGAN KEHARMONIAN PELBAGAI RAS.

BELIAU TIDAK MENJANGKAKAN APA-APA MASALAH RAS AKAN TIMBUL JIKA BN GAGAL MEMPEROLEHI MAJORITI DUA PERTIGA KERANA KERAJAAN DAN RAKYAT TIDAK AKAN MENGHADAPI KESUKARAN MENGATASI MASALAH SEUMPAMA ITU JIKA TIMBUL.

MENGENAI MASALAH PEMILIHAN CALON UMNO, BELIAU MENGAKUI BAHAWA TERDAPAT MASALAH BERKENAAN TETAPI MEREKA BERKENAAN TELAH MEMBANTU KEMPEN BAGI CALON YANG DIPILIH UNTUK MEMASTIKAN KEMENANGAN.

MENGENAI SAMA BELIAU AKAN DITENTANG BAGI KEMPIMPINAN TERTINGGI PARTI ITU PADA PEMILIHAN PARTI AKAN DATANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGULANGI KENYATAANNYA BAHAWA BELIAU BERSEEDIA MENGUNDUR DIRI JIKA ANGGOTA PARTI TIDAK MAHUKAN BELIAU LAGI. -- LAGI  
2148MST 01 08 86

D200

U 8805 DEB  
MAHATHIR - YAKIN 5 ARAU

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA +SAYA BUKAN PEMIMPIN KEKAL,+ BELIAU BERKATA ANGGOTA UMNO SENTIASA BEBAS MEMILIH PEMIMPIN MEREKA DAN MENAMBAH KATA BAHAWA BELIAU BERSEEDIA BERKHIDMAT KEPADA PARTI JIKA ANGGOTA MAHUKAN BELIAU.

KETIKA DI PERLIS, DATUK SERI DR. MAHATHIR MERASMIKAN ARKED MARA DI KANGAR DAN MELANACSRKAN RANCANGAN MADA DI SINI SEBELUM BERLEPAS KE ALOR SETAR SEHINGGA HARI PENGUNDIAN AHAD INI.

PERDANA MENTERI YANG TIBA DI ALOR SETAR PAGI INI AKAN MERASMIKAN SEKOLAH MENENGAH BATU 20 DI KODIANG, KIRA-KIRA 32 KM DARI ALOR STAR ESOK DAN KEMUDIAN MERASMIKAN BANGUNAN SYARIKAT PERNIAGAAN PETANI MADA DI ALOR SETAR.

-- BERNAMA  
2152MST 01 08 86